

Buletin RIMC

BIL. 01. EDISI 1. JAN-JUN 2017

www.rimc.uum.edu.my

MENARIK EDISI INI :

- Tingkatkan bilangan penulls universiti
- Perjumpaan Naib Canselor Bersama Dekan, Pengarah CoE dan Ketua RU
- Bengkel ToT : *Engaging Business Effectively and Translation Research to Commercial*
- Bengkel pengukuhan UUM kearah universiti penyelidikan (RU) 2016 Fasa II
- MyRA menjelajah ke 16 pusat pengajian
- Taklimat dan Majlis Menandatangani Perjanjian Geran Penyelidikan CoE
- Perjumpaan Timbalan Naib Canselor (P&I) Bersama Pengarah CoE dan Ketua RU
- 'Kerja' sebagai satu ibadah
- Aktiviti RIMC (Jan - Jun 2017)

PERJUMPAAN NAIB CANSOLOR BERSAMA DEKAN, PENGARAH CoE DAN KETUA RU




Susana di sekitar berlangsungnya Perjumpaan Naib Canselor Bersama Dekan, Pengarah CoE dan Ketua RU 2017

Sesi perjumpaan ini diadakan sebagai satu platform pertemuan antara Naib Canselor dan semua pihak yang terlibat dengan Pusat Kecemerlangan (CoE) dan Pembangunan (R&D) mengikut bidang tujahan Universiti Utara Malaysia.

-UNTUK BERITA PENUH, UHAT MUKA SURAT 4 & 5

Idea tentang halatuju CoE supaya perkembangannya selaras dengan hasrat penubuhan CoE iaitu membudayakan dan meningkatkan kualiti

Life is like riding a bicycle.
To keep your balance, you must
keep moving.
— Albert Einstein



SIDANG REDAKSI

Penasihat

Prof. Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani

Editor Utama

Prof. Madya Sr. Dr. Mohd Nasrun Mohd Nawi

Editor/ Rekabentuk Teks dan Grafik

Noorhani Ismail
Nur Atikah Abdul Aziz

Penyumbang Berita

Aniza Sabjan
Aini Bahrum
Sabirah Md. Taha
Nur Suhana Hashim
Munirah Mat Din
Rohani Abdullah
Unit Komunikasi Korporat (UKK)

Fotografi

Fadilah Mohd Zain
Bistomi Ismail

Penyelaras Buletin RIMC

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC)
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman
Tel: 04-928 4771
Fax : 04-928 4756
Laman web: www.rimc.uum.edu.my
Emel : rimc@uum.edu.my

TINGKATKAN BILANGAN PENULIS UNIVERSITI

02 MEI 2017

DISEDIAKAN OLEH: UNIT PENERBITAN PENYELIDIKAN



Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi sentiasa mencari alternatif dan strategi bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti penerbitan universiti. Buat julung kalinya Felo Penerbitan Penyelidikan RIMC telah dilantik bagi mengerakkan usaha tersebut.

"Felo Penerbitan Penyelidikan RIMC ini memegang tampuk penting dalam menyalurkan maklumat penerbitan melalui siri taklimat, ceramah dan program penerbitan yang dirancang serta bertindak sebagai mentor/fasilitator kepada pensyarah lain. Selain itu, adalah menjadi harapan universiti agar felo penerbitan penyelidikan ini mampu memberi idea, cadangan dan nasihat dalam usaha memperkasakan aktiviti penerbitan universiti".

Demikian kata Prof. Madya Sr. Dr. Mohd Nasrun bin Mohd Naw, Timbalan Pengarah (Penerbitan Penyelidikan) pada Sesi Perbincangan Meja Bulat bersama Felo Penerbitan Penyelidikan RIMC yang berlangsung di EDC Hotel & Resorts baru-baru ini.

Sementara itu, Prof. Dr Noor Azizi bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang turut hadir memberi komitmen dalam sesi tersebut menyatakan bahawa bagi menghasilkan penerbitan yang berkualiti, para pensyarah seharusnya mempunyai penyelidikan yang berkualiti terlebih dahulu dalam memastikan hasil penulisan tersebut memberi impak kepada pembangunan modal insan dan negara.

"You need to build up the momentum. Usaha meningkatkan bilangan penulis merupakan cabaran utama universiti. Peratusan penulis yang aktif di Universiti Utara Malaysia adalah agak rendah jika dibandingkan dengan universiti penyelidikan di Malaysia". Sehubungan itu, beliau menggesa agar pensyarah sentiasa memupuk minat dan mengekalkan momentum untuk terus menulis serta memahami ekosistem universiti.

"You need to build up the momentum."

- Prof. Dr. Noor Azizi

PERJUMPAAN NAIB CANSOLOR BERSAMA DEKAN, PENGARAH COE DAN KETUA RU

DISEDIAKAN OLEH: UNIT PENYELIDIKAN



Penyelidik UUM disarankan untuk menjadikan Pusat Kecemerlangan (CoE) baharu sebagai landasan untuk menghasilkan lebih banyak penyelidikan yang memberi Impak kepada masyarakat. Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, UUM menubuhkan CoE baharu pada tahun lalu yang terdiri enam University Centres of Excellence (U-CoE), 21 Schools Centres of Excellence (SCoE) dan 31 Unit Penyelidikan (RU) supaya penyelidik membudayakan dan meningkatkan kualiti penyelidikan dan pembangunan (R&D) universiti. Menurutnya, dengan memfokuskan kepada lapan (8) bidang tujahan (*niche area*) penyelidikan UUM, ia akan membolehkan CoE universiti itu menjadi peneraju di peringkat kebangsaan dan antarabangsa selepas diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HiCoE) oleh KPT.

"Justeru, untuk mencapai ke tahap itu, semua penyelidik harus banyak melakukan penyelidikan yang memberi impak atau manfaat kepada masyarakat. "Malah, penyelidikan tersebut mestilah satu ilmu baharu seperti mencari punca permasalahan dalam masyarakat, seterusnya mencari penyelesaian kepada masalah itu menerusi penyelidikan," katanya pada Majlis Perjumpaan Naib Canselor Bersama Dekan, Pengarah CoE dan Ketua RU di Pusat Konvensyen, petang tadi. Ujar beliau lagi, tumpuan kepada bidang tujahan itu juga secara tidak langsung akan menjadikan pusat kecemerlangan UUM sebagai '*solution provider*' yang memberi jalan penyelesaian kepada masyarakat, industri dan agensi-agensi terlibat.

Tambahnya, seiring dengan amanat Menteri Pendidikan Tinggi yang menekankan konsep penyelidikan translasional pada 2017, penyelidik UUM harus menghasilkan kajian lebih fokus, berharga dan relevan serta berimpak tinggi kepada pembangunan sosial.

Sehubungan itu, Naib Canselor berkata dengan adanya CoE ini akan menjadi platform dalam menyediakan sumber dari pelbagai latar belakang dan disiplin supaya dapat membantu penyelidik universiti menghasilkan bahan berkuali-

ti. Katanya, penyelidikan hari ini adalah bersifat multi-disiplin dan tidak boleh dilakukan secara individu.

Menurutnya juga, Pusat Kecemerlangan ini ditubuhkan agar pakar-pakar dari pelbagai disiplin dapat bersama-sama melakukan kajian dalam satu bidang fokus utama agar penyelidikan yang dilakukan adalah komprehensif dan relevan. "Saya berharap menjelang 2020, U-CoE dan SCoE dapat bergiat aktif dalam penyelidikan dan lebih relevan serta mempunyai impak tersendiri. "Apa yang penting adalah meletakkan penanda aras pada diri, merancang pelan jangka pendek dan panjang," ujarnya.

Menurut beliau lagi, UUM menerusi RIMC juga menyediakan peluang seperti geran penyelidikan dan insentif penerbitan, malah penerbitan jurnal dalam bidang juga boleh dilakukan dengan kerjasama UUM Press.

Sementara itu, Pengarah RIMC, Prof Dr Mohd Az-Zuddin Mohd Sanj berkata, perjumpaan itu adalah bagi membolehkan penyelidik bertukar pandangan dan idea. "Unit Penyelidikan (RU) pula perlu menjana kajian yang baharu, iaitu berada di luar SCoE tetapi masih mendukung 8 bidang tujahan dan penyelidik juga boleh datang dari pelbagai disiplin dan pusat pengajian. "Kita boleh jadikan Japan Advance Institute of Science and Technology (JAIST) sebagai model apabila mereka memanfaatkan pelajar pascasiswazah sebagai peneraju utama kepada kecemerlangan CoE mereka," katanya. Beliau juga berkata, perjumpaan ini membolehkan penyelidik bertukar pandangan dan idea serta platform ini juga boleh dimanfaatkan bagi membentangkan aktiviti yang telah dilaksanakan untuk CoE pada tahun lalu, penawaran geran penyelidikan CoE, agenda terbaru, perancangan RIMC serta senarai penyelidikan U-CoE dan SCoE.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Nor Azizi Ismail dan pegawai-pegawai kanan UUM.

BENGGKEL ToT : *ENGAGING BUSINESS EFFECTIVELY AND TRANSLATION RESEARCH TO COMMERCIAL*

DISEDIAKAN OLEH: UNIT PENYELIDIKAN

Success is not the key to happiness. Happiness is the key to success. If you love what you are doing, you will be successful.

- Albert Schweitzer



“To achieve, is to work hard. Work hard and priorities right. Do things in right order, And you will achieve. You must give something to get something”

Sejajar dengan pengumuman Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh yang menyatakan bahawa tahun 2017 ini sebagai tahun penyelidikan translasional (*translational research*), Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan satu sesi bengkel iaitu Bengkel *TOT: Engaging Business Effectively and Translation of Research to Commercial* bagi menyahut dan menjayakan aspirasi tersebut.

Bengkel TOT ini memberi fokus kepada amalan terbaik dalam hubungan akademi-industri kearah mengkomersilkan hasil penyelidikan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Bengkel selama sehari yang telah diadakan pada 1 Februari 2017 ini mengupas beberapa modul utama iaitu *Academic Business Engagement, Translation of Research Outcomes to Commercial, Tips for Building Relations & Writing of Business/Grant Proposals* dan *Capitalising on UUM's strengths*.

Bengkel ini dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Angelina Yee Seow Voon, Pengarah (*Industry Collaborations/Operations*) Nottingham My Research Sdn Bhd. Seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada Pengarah Pusat Kecemerlangan (CoE) di Universiti Utara Malaysia telah berjaya mengikuti bengkel ini dengan jayanya.

BENGGEL PENGUKUHAN UUM KEARAH UNIVERSITI PENYELIDIKAN (RU) 2016 FASA II

DISEDIAKAN OLEH: UNIT TUGAS-TUGAS KHAS



SINTOK – Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) telah menganjurkan Bengkel Pengukuhan UUM ke Arah Universiti Penyelidikan (RU) 2016 Fasa II pada 19 Februari 2017 yang bertempat di TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar.

Bengkel ini telah dihadiri oleh 4 auditor jemputan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), 26 orang pembekal data daripada jabatan yang berkaitan serta kakitangan RIMC yang terlibat secara langsung dalam pengumpulan dan penghantaran data MyRA.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan proses audit MyRA yang sebenar kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan pembekal data yang berkaitan melalui simulasi audit dalaman. Bengkel ini juga bertujuan memberi pemahaman yang tepat berkaitan dengan definisi operasi (OD) MyRA 1 yang baharu dikemaskini pada Disember 2016 serta mendapatkan anggaran pencapaian MyRA Tahun 2016 melalui aktiviti audit dalaman. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Dato' Prof. Dr. Mohamed Isa daripada Universiti Sains Malaysia (USM) yang berpengalaman sebagai juruaudit MyRA di

peringkat KPT. Di dalam bengkel tersebut, beliau turut berkongsi tips dan informasi mengenai penyediaan dokumentasi MyRA dan strategi yang boleh dilaksanakan bagi mencapai mutu penyelidikan yang terbaik.

Selain itu, pembekal-pembekal data juga telah diberi pendedahan kepada proses audit yang sebenar melalui sesi simulasi audit MyRA bagi pencapaian data tahun 2016. Panel penilai bagi sesi audit dalaman kali ini disertai oleh Dato' Prof. Dr. Mohamed Isa sebagai ketua audit, Prof. Dr. Mustafa bin Mat Deris, Prof. Dr. Kalsom binti Kayat dan Dr. Nooraini binti Yusoff.

Melalui penganjuran program *awareness* seumpama ini diharapkan dapat membantu universiti agar lebih memahami glosari dan merangka strategi bagi meningkatkan pencapaian MyRA. Pihak RIMC juga berharap agar semua pihak yang terlibat dalam pengumpulan data MyRA dapat memberikan kerjasama yang lebih mantap dan bergerak sebagai satu pasukan dalam menghadapi proses audit MyRA 2016 yang sebenar.

MyRA MENJELAJAH KE 16 PUSAT PENGAJIAN

DISEDIAKAN OLEH: UNIT TUGAS-TUGAS KHAS



"A GOAL
WITHOUT
A PLAN
IS JUST
A WISH"

SINTOK – Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) telah mengadakan lawatan ke 16 Pusat pengajian bermula pada 8 Mac sehingga ke 23 Mac 2017. Tujuan lawatan ini adalah untuk memberi pemahaman yang lebih jelas berkaitan *Malaysia Research Assessment (MyRA)* bagi memenuhi Definisi Operasi (OD) MyRA yang baharu dikemaskini pada Disember 2016 lalu.

Lawatan ini disertai oleh Timbalan Pengarah Unit Tugas-Tugas Khas RIMC, Dr. Mohd. Faizal Bin Omar bersama kakitangan Unit Tugas-Tugas Khas RIMC, telah berkongsi tips dan informasi mengenai penyediaan dokumentasi MyRA serta strategi yang boleh dilaksanakan oleh Pusat

Pengajian bagi meningkatkan kualiti pencapaian MyRA 2016. Sesi peniliran data diperingkat pusat pengajian juga dijalankan semasa lawatan ini. Pusat-Pusat Pengajian juga telah dibentangkan mengenai status dan markah terkini penilaian MyRA mengikut pusat pengajian masing-masing.

Pihak RIMC berharap agar lawatan ini dapat membantu Pusat Pengajian dan sekaligus membantu UUM meningkatkan pencapaian MyRA 2016. Semua pihak yang terlibat dalam pengumpulan data MyRA dapat memberikan kerjasama yang lebih mantap dan bergerak sebagai satu pasukan dalam menghadapi proses audit MyRA 2016 yang sebenar.

TAKLIMAT DAN MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN GERAN PENYELIDIKAN COE

DISEDIAKAN OLEH: UNIT PENYELIDIKAN



PERUNTUKAN RM470 RIBU UNTUK GERAN PENYELIDIKAN COE

Sebanyak RM470,000.00 telah ditawarkan untuk Geran Penyelidikan CoE kepada 35 orang penyelidik UUM. Geran yang julung kali ditawarkan ini adalah dikhususkan kepada CoE baharu di UUM sebagai salah satu usaha untuk menyokong serta meningkatkan aktiviti penyelidikan yang berimpak tinggi di semua CoE berkenaan.

Timbalan Pengarah (Penyelidikan), RIMC, Prof. Madya Dr. Alias Azhar berkata, penawaran geran penyelidikan ini di harap dapat membantu CoE menjalankan penyelidikan yang berimpak tinggi dan mempunyai nilai penyelidikan translasional bagi memenuhi agenda Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

"Pihak KPT telah mengumumkan bahawa 2017 sebagai tahun penyelidikan translasional iaitu memastikan penyelidikan mampu diterjemahkan bagi penyelesaian kepada isu nasional dan antarabangsa" katanya lagi.

Sementara itu, majlis menandatangani perjanjian antara penyelidik dan pihak UUM telah diadakan di Dewan Seminar C, Kompleks Konvensyen baru-baru ini.

Pada majlis tersebut juga, semua penyelidik yang berjaya telah diberikan taklimat kewangan oleh Pegawai Penyelidik Sosial Kanan, RIMC, Abdul Rais Mohamad Mokhtar.

PERJUMPAAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (P&I) BERSAMA PENGARAH COE DAN KETUA RU

DISEDIAKAN OLEH: UNIT PENYELIDIKAN



Perjumpaan pada 8 Mac 2017 ini adalah perjumpaan kali kedua TNC (P&I) dengan Pengarah Pusat Kecemerlangan (CoE) dan Ketua Unit Penyelidikan (RU) sejak tertubuhnya dua puluh satu (21) Pusat Kecemerlangan Peringkat Pusat Pengajian dan tiga puluh satu (31) Unit Penyelidikan di UUM.

Di dalam perjumpaan ini, TNC (P&I) menjelaskan tentang pembahagian setiap CoE dan RU mengikut lapan (8) niche utama UUM serta struktur yang perlu ada di bawah setiap CoE iaitu Inisiatif Penyelidikan Primer dan Sekunder, Felo, Panel Penasihat, Penyelidik dan Rakan Strategik.

Perjumpaan ini juga membuka ruang perbincangan tentang halatuju CoE dan RU dalam mencapai dan memenuhi hasrat UUM untuk menjadi sebuah Universiti terkemuka.

Di akhir sesi perjumpaan, TNC (P&I) menekankan tentang kepentingan bagi semua CoE dan RU yang telah ditubuhkan di Universiti Utara Malaysia untuk membuat satu penanda aras dengan mengambil contoh beberapa Pusat Kecemerlangan di Universiti terkemuka di dalam dan luar negara.

KERJA SEBAGAI IBADAH

DISEDIAKAN OLEH: KELAB KEBAJIKAN



“ Sesiapa yang menghabiskan masa petangnya dalam keletihan akibat daripada pekerjaan yang dijalankan oleh tangannya sendiri, maka ia akan diberi keampunan,” kata Dr. Mohd. Nizho Abdul Rahman ketika memetik hadis riwayat Ath-Thabrani semasa menyampaikan ceramah kepada staf RIMC pagi ini.

Pensyarah dari Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM CAS itu telah mengupas tajuk berkaitan kerja sebagai ibadah selama sejam di bilik mesyuarat jabatan tersebut.

Beliau berkata, pekerjaan merupakan suatu ibadah yang sangat dianjurkan oleh Islam ke atas umatnya dan hanya merupakan salah satu tuntutan fardhu khususnya kepada mereka yang mampu bekerja demi mencapai kebahagiaan dan ketenangan samada untuk diri sendiri mahu pun masyarakat.

“Budaya kerja yang disarankan mestilah budaya kerja yang tekun dan bekerja keras, rajin dan bersungguh-sungguh, beramanah serta ikhlas.

“Hati yang ikhlas tidak akan perasan dengan pujian dan tidak akan terkesan dengan kejijian atau cercaan kerana hati itu tahu pandangan slapa perlu diutamakan”, katanya lagi.

Ceramah anjuran RIMC itu adalah salah satu program peringkat jabatan sempena Hari Pengasasan UUM kali yang ke-33 pada hari ini yang turut juga dihadiri oleh Timbalan Pengarah (Penerbitan Penyelidikan) Sr. Dr. Mohd Nasrun Mohd Nawi.

TAHNIAH : PROF. DR. MOHD AZIZUDDIN MULAKAN TUGAS PENGARAH RIMC



Prof. Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani memulakan tugas rasmi sebagai Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) yang baharu pada 1 Januari 2017.

Beliau yang menggantikan Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad telah diberi taklimat ringkas berkaitan RIMC oleh Sr. Dr. Mohd Nasrun Mohd Nawi dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Pengarah.

Dalam ucapan pertama Prof. Dr. Mohd Azizuddin kepada staf RIMC, beliau menekankan *punctuality* adalah amat penting dalam setiap tugas atau hal bagi memastikan semua perancangan dapat berjalan dengan lancar. "Kita juga perlu cepat dalam semua tindakan serta perlu mencapai target yang telah disasarkan." Saya juga mahu semua staf RIMC bekerja dalam suasana harmoni dan perlu ada semangat satu pasukan.

"Terima kasih kepada Naib Canselor yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menerajui RIMC yang merupakan nadi utama dalam bidang penyelidikan, katanya lagi. Majlis hampir dua jam itu diadakan di Bilik Mesyuarat RIMC turut dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Alias Azhar dan semua staf RIMC. Pelantikan Prof. Dr. Mohd Azizuddin sebagai Pengarah RIMC bermula 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017. Sebelum menjawat jawatan ini,

Prof. Dr. Mohd Azizuddin Mohd Azizuddin Mohd Sani adalah Profesor Politik dan Hubungan Antarabangsa di Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS).

Beliau menerima Ijazah doktor falsafah dalam bidang politik dan hubungan antarabangsa dari Keele University, United Kingdom. Pengalaman beliau dalam bidang pentadbiran di UUM ialah semasa menjadi Dekan SOIS (2011-2013), Pengerusi Program Hal Ehwal Antarabangsa (2010 – 2011) dan Pengerusi Ketahanan Nasional, Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir (2009).

Beliau juga telah dilantik sebagai Felo Pelawat di *Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS)* Singapura dan Profesor Pelawat di *National Institute of Development and Administration (NIDA)*, Bangkok, Thailand. Kini beliau merupakan kolumnis hal ehwal antarabangsa bagi akhbar berbahasa Melayu Berita Harian sejak tahun 2012 dan juga dilantik sebagai Member of *National Consultative Committee on Political Financing and Fellow of Foreign Policy Study Group*.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2016

SALIBAS dan TAHNIAH kepada staf RIMC yang menerima Anugerah Di HIMPUN 2017

		
Anugerah Kesarjanaan & Anugerah Artikel Jurnal Berindeks Sitasi Puan Madya bt. Hj. Mohd. Nasran bin Mohd. Sam (Unit Penyelidikan Penyelidikan)	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Puan Che Baya binti Othman Pembantu Tadbir (P/O) Kanan (Unit Pentadbiran & Kawangan)	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Puan Siti Nawari binti Aziz Pembantu Tadbir (P/O) Unit Penyelidikan

TAHNIAH : KHALIFAH BARU



Nama Ibu: **Munirah binti Mat Din**
Nama Anak : **Muhammad Adeeb bin Mahadi**
Tarikh Lahir: **12 April 2017**

ANAK ADALAH ANUGERAH TERINDAH

'Harta & anak-anak adalah perhiasan

kehidupan dunia'.

(Al Qu'ran Surat : 18 : 46)

AKTIVITI RIMC (JANUARI—JUN 2017)

BIL.	AKTIVITI/PROGRAM	TARIKH (2017)	TEMPAT	ANJURAN (UNIT)
1.	Kuliah Bulanan :Soal Hati (Dr. Alias Azhar)	19 Januari	Bilik Mesy. Utama, RIMC	Kelab Kebajikan
2.	Bengkel TOT : Engaging Business Effectively and Translation of Research to Commercial	1 Februari	Dewan Seminar Pusat Islam, UUM	Unit Penyelidikan
3.	Aktiviti Kelab : Chef RIMC dan Potluck	2 Februari	Bilik Mesyuarat RIMC	Kelab Kebajikan
4.	Perjumpaan Naib Canselor bersama Dekan, Pengarah UCoE/SCoE dan Ketua RU	5 Februari	Dewan Seminar A ,Pusat Konvensyen	Unit Penyelidikan
5.	Penilaian Proposal Geran FRGS	5-7 Februari	Grand Alora, Alor Setar	Unit Penyelidikan
6.	Kuliah Bulanan "Kerja Sebagai Ibadah"	16 Februari	Bilik Mesyuarat RIMC	Kelab Kebajikan RIMC
7.	Bengkel Pengukuhan Uum Fasa II Ke Arah Universiti Penyelidikan (RU) 2016	19 Februari	TH Hotel & Convention Centre	Unit Tugas-tugas Khas
8.	Perjanjian CoE Majlis menandatangani MoU Geran CoE	26 Februari	Dewan Seminar Pusat Konvensyen	Unit Penyelidikan
9.	Bengkel MyRA Glossary Training Of Trainers (TOT)	5 Mac	Dewan Seminar C, Pusat Konvensyen	Unit Tugas-tugas Khas
10.	Taklimat Permohonan Geran "Knowledge Transfer Programme-KTP" Skim Pembelajaran Sepanjang Hayat Pelan "Rolling" Ke Dua 2017	7 Mac	Bilik Mesyuarat Eksekutif RIMC	Unit Penyelidikan
11.	Taklimat dan Majlis Menandatangani Perjanjian Geran Penyelidikan CoE	7 Mac	Dewan Seminar C, Pusat Konvensyen	Unit Penyelidikan
12.	Perjumpaan Timbalan Naib Canselor (P&I) Bersama Pengarah COE Dan Ketua RU	8 Mac	Bilik Mesyuarat Senat,Jabatan Canselor	Unit Penyelidikan
13.	Bengkel Penyediaan Laporan Tahunan Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (RIMC) 2016 Serta Bengkel Pemantapan Garis Panduan Keahlian COE	13 hingga 16 Mac	De Baron Resort, Pulau Langkawi	Unit Penyelidikan
14.	Bengkel Polisi CoE	28 – 30 Mac	Langkawi	Unit Penyelidikan
15.	Tingkatkan Bilangan Penulis Universiti	02 Mei	EDC Hotel & Resorts	Unit Penerbitan Penyelidikan
16.	Marhaban ya Ramadhan : Sembang – Sembang Hukum	25 Mei	Bilik Mesy. RIMC	Kelab Kebajikan

